

**RIMBA PACAT**  
Marbled Wren Babbler

FAMILI: Timaliidae  
NAMA SAINTIFIK: *Napothera marmorata*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz yang lebih besar jika dibandingkan dengan spesies Rimba yang lain. Bahagian ekor adalah lebih panjang manakala bahagian sis telinga berwarna kemerahan. Pada bahagian bawah badan yang berwarna kehitaman, terdapat jalur-jalur yang berwarna putih. Individu ini mempunyai bahagian rengkong yang berwarna putih serta bahagian sisi yang berjalur. Bahagian atas badan berwarna coklat cerah serta berjalur hitam. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz kira-kira 21.5 sm.

**MAKANAN**

Diet utama terdiri daripada serangga-serangga kecil dan haiwan invertebra. Sesetengah daripada spesies ini memakan buah-buahan yang bersaiz kecil, bijian dan nektar.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap pada ketinggian di antara 610-1,220 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan yang tunggal atau berganda, menyerupai bunyi yang dikeluarkan oleh spesies Rimba Besar Hujan, *N macrodactyla*, *puuu-chiiii*, *puuuu-jhiiii* atau *puuu-jhiiii* dengan nada yang tinggi di mana nota yang pertama meningkat dan menurun pada nota yang kedua. Bunyi yang dikeluarkan termasuklah bunyi *piuuu-whiiii* dan bunyi *uuuu-jhiii* atau bunyi tunggal *piuuu*.

**PEMBIAKAN**

Ia masih belum didokumenkan.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.